

Asiatic taja Dana Pembiayaan di UPM

Oleh KHAIRUNNISA SULAIMAN

SUATU masa dulu, bidang pertanian dilihat sebagai bidang yang tidak glamor bukan saja di kalangan pelajar malah di kalangan pihak swasta.

Bagaimanapun kesedaran terhadap bidang pertanian semakin meningkat dengan penyertaan pihak swasta dalam mengembangkan industri berkenaan.

Terkini Asiatic Development Berhad telah melancarkan Dana Pembiayaan Tan Sri Dr. Lim Goh Tong sebagai mengenang pengasasnya mendiang Tan Sri Lim Goh Tong.

Dana berkenaan diuruskan dan ditadbir oleh Asiatic dan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi mengagihkannya bagi pembiayaan biasiswa di bawah nama Biasiswa Tan Sri Lim Goh Tong bagi pelajar ijazah pertama dalam bidang pertanian di UPM, membiayai program penyelidikan dan aktiviti penyelidikan.

Ketua Eksekutif Asiatic, Tan Sri Datuk Lim Kok Thay berkata, pihaknya berbangga bekerjasama dengan UPM, sebuah universiti yang mendapat pengiktirafan atas kecemerlangan dalam bidang pertanian dan penyelidikan.

Menyentuh mengenai Dana Pembiayaan, Kok Thay berkata, ia disasarkan bagi membantu pelajar yang memerlukan.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, pihaknya amat berterimakasih dengan



LIM Kok Thay (kiri) menyampaikan pembiayaan biasiswa Tan Sri Lim Goh Tong kepada Azlan Saliman sambil diperhatikan oleh Dr. Nik Mustapha R. Abdullah di Putrajaya, Selangor baru-baru ini.

- Gambar MOHD NOOR AMIN

Asiatic bagi membangunkan industri pertanian terutama dalam bioteknologi kelapa sawit.

“Kerjasama berkenaan juga akan membolehkan pelajar UPM menjalani latihan di Pusat Asiatic bagi Teknologi Genom pada masa hadapan,” katanya.

Buat kali pertama, Asiatic menganugerahkan biasiswa berkenaan kepada Azlan Saliman.

Pada masa yang sama, dana berkenaan juga membiayai sepenuh Seminar Penyelidikan Bioteknologi Terkini Kelapa Sawit yang berlangsung pada hari yang sama.

Semasa seminar berkenaan, dua orang penceramah membentangkan kertas kerja mengenai penyelidikan kelapa sawit.

Prof Dr. John Wesley Randles

6 Kerjasama berkenaan juga akan membolehkan pelajar UPM menjalani latihan di Pusat Asiatic bagi Teknologi Genom pada masa hadapan

merupakan seorang pakar dalam bidang penyelidikan tropika merupakan saintis pelawat ke Institut Pertanian Tropika (ITA) di bawah program Brain Gain Malaysia.

Beliau akan membentangkan kertas kerja bertajuk Penyakit Viroid bagi status tanaman bermusim dan strategi akan datang.

Manakala Prof. Madya Datin Dr. Siti Nor Akmar Abdullah pula menjalankan penyelidikan ekspresi gen dalam sawit dan merupakan saintis peneraju bidang bioteknologi di Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Beliau yang menyampaikan taklimat mengenai Kajian Ekspresi Gen bagi meningkatkan mutu Minyak Sawit menjalankan kajian mengenai pengawalaturan ekspresi gen sawit di dalam tisu penting dari aspek ekonomi sawit iaitu tisu pengeluaran minyak.